

08 DEC 1996

Exco-jawatan

EXCO BEKAS S46 AKAN LETAK JAWATAN "SEHARI DUA" INI

KOTA BAHARU, 8 Dis (Bernama) -- Anggota Exco dari bekas Parti Melayu Semangat 46 (S46) yang kini menjadi anggota Umno dijangka menyerahkan surat perletakkan jawatan masing-masing dari pentadbiran kerajaan negeri Kelantan dalam "tempoh sehari dua lagi".

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Annuar Musa berkata beliau telah dimaklumkan oleh anggota Exco itu yang diketuai oleh Timbalan Menteri Besar Datuk Rozali Isohak bahawa mereka telah bersedia untuk mematuhi arahan Majlis Tertinggi (MT) Umno supaya meletakkan jawatan dengan segera.

"Kelewatan untuk meletakkan jawatan berlaku kerana mereka perlu berbincang sesama sendiri dan juga ingin mengambil pandangan pemimpin negeri termasuk daripada saya sendiri bagaimana cara untuk melakukannya," katanya kepada pemberita selepas mengadakan majlis meraikan empat anggota MT dari Kelantan di sini malam tadi.

Kesemua anggota MT berkenaan iaitu Datuk Mustapa Mohamed, Tan Sri Hussein Ahmad dan Datuk Zainal Abidin Abdul Kader hadir kecuali Datuk Ibrahim Ali yang berada di Kuala Lumpur.

Annuar berkata sehubungan itu tidak timbul lagi masalah bahawa kesemua anggota Exco itu enggan meletak jawatan malahan mereka akan tunaikan arahan itu dengan penuh rasa tanggungjawab terhadap Umno.

Mengenai pilihan raya kecil kawasan Pulai Chondong ekoran kematian wakil rakyat kawasan itu Kapt (B) Mohd Nor Ahmad Rabu lepas, beliau berkata Umno kini sedang meninjau pandangan beberapa pihak mengenai bakal calon yang sesuai bertanding di situ atas tiket Barisan Nasional.

"Insya-Allah senarai nama calon-calon itu akan disiapkan sehari dua ini dan kita akan kemukakan kepada Presiden (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) apabila beliau balik dari luar negeri," katanya.

Menurutnya Umno Kelantan, terdiri daripada ahli Umno dan bekas anggota S46 juga telah berikrar untuk bersatu bagi memastikan kemenangan calon yang dipilih oleh Dr Mahathir tanpa mengira latar belakang calon berkenaan.

Annuar juga berkata pilihanraya kecil itu juga dapat dijadikan medan untuk mempercepatkan proses kerjasama dan persefahaman antara anggota Umno dan bekas S46 yang baru sahaja menyertai Umno, yang sebelum ini dikatakan agak perlahan.

Sementara itu dalam ucapannya, Annuar berkata beliau akur dan menghormati keputusan Dr Mahathir yang tidak memilihnya untuk menduduki MT Umno pada penggal ini.

Beliau juga menyifatkan keadaan itu sebagai jatuh bangunnya seseorang pemimpin yang perlu berkorban dalam usaha untuk mencapai keadaan yang lebih baik.

"Saya terima bulat-bulat keputusan Dr Mahathir kerana saya tahu beliau mempunyai hemah dan kebijaksanaan tersendiri...takkanlah kita hendak merajuk," katanya.

"Pemimpin datang dan pergi tetapi perjuangan parti mesti diteruskan," tambahnya.

Annuar juga mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir kerana memberi kepercayaan kepada Umno Kelantan apabila empat anggota Umno negeri itu kini menduduki MT Umno. -- Bernama

RAR WAT